



**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019  
ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019**

**1103/2**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Ogos**

**2 ½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
- 4 *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 5 *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan sungai dalam kehidupan dan tanggungjawab masyarakat melestarikan keindahan sungai.** Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejak bermula tamadun manusia, sungai merupakan nadi kepada kehidupan manusia sejagat. Sungai merupakan unsur semula jadi ciptaan Tuhan dan khazanah yang banyak memberikan kemaslahatan dan perlu dipelihara supaya sentiasa berkekalan. Namun demikian, perkara yang mengecewakan ialah anugerah Allah itu tidak dijaga, malahan ada pihak yang menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah sehingga *menjejaskan kualiti* air sungai. Oleh sebab itu, masyarakat hari ini perlu menyedari bahawa sungai tetap memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian baik dari segi sosial, ekonomi mahupun politik.

Kepentingan sungai di negara kita merangkumi sejarah sebagai pusat tumpuan perdagangan, sempadan negeri dan negara, serta pembentuk muka bumi. Sebagai sumber air utama negara, rakyat sewajarnya sedar bahawa sungai membekalkan sumber air kepada manusia untuk kegunaan domestik seperti minuman, memasak dan membasuh walaupun berlaku perubahan dari segi kemodenan serta kecanggihan teknologi pada setiap peringkat ketamadunan. Pada era 60-an, sungai penting sebagai sumber tenaga hidro kepada penduduk dan kilang-kilang di kawasan perindustrian. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah hujan yang tinggi dan turun sepanjang tahun dapat membekalkan sumber air mencukupi untuk menghasilkan sumber hidroelektrik.

Pada masa yang sama, sungai-sungai juga amat penting kerana dapat menghasilkan tanah yang subur apabila berlakunya banjir. Aliran sungai di kawasan hilir kebiasaannya membawa bahan-bahan mendapan yang kaya dengan nutrien sebelum dimendapkan di kawasan lembah sungai. Jika kita menoleh ke belakang, kita akan mendapati bahawa pusat tamadun selalunya tertumpu di kawasan lembah sungai, justeru sungai berfungsi sebagai sistem pengangkutan dan sistem perhubungan semula jadi manusia. Ketiadaan sistem pengangkutan jalan raya, jalan kereta api dan pengangkutan udara menyebabkan fungsi sungai sebagai sistem pengangkutan manusia menjadi begitu dominan bak peribahasa tiada rotan akar pun berguna.

Jika dilihat dari sudut yang lain, sungai juga merupakan habitat haiwan akuatik yang membekalkan sumber protein yang cukup kepada manusia seperti udang, ikan dan ketam. Keindahan sungai yang dilengkapi dengan air terjun dan jeram yang berarus deras juga menjadi tumpuan para pelancong untuk beriadah dan berekreasi. Sungai-sungai yang dijaga dengan cantik dan bersih selalunya menjadi tarikan pelancong sama ada pelancong domestik mahupun pelancong asing. Sungai turut mewujudkan peluang pekerjaan dan menambahkan pendapatan kepada manusia kerana sungai memberikan rezeki kepada mereka yang menetap berhampirannya dengan melakukan aktiviti menangkap hasil sungai.

Sememangnya mengurus sumber air sudah semakin kritikal untuk memastikan sumber air itu bebas daripada sebarang pencemaran. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian khusus terhadap isu pencemaran sungai kerana pencemaran sungai akan merugikan negara termasuk peningkatan kos rawatan bekalan air domestik dan industri serta kepupusan flora dan fauna di samping menggugat ekosistem dan sumber makanan. Isu alam sekitar khususnya penjagaan kebersihan dan kualiti air sungai merupakan cabaran alam sekitar yang perlu ditangani oleh generasi kini dan akan datang. Usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar memerlukan komitmen, kerjasama dan sokongan semua pihak agar dapat dilaksanakan secara berterusan demi kesejahteraan hidup generasi akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Melestarikan Keindahan Sungai'  
oleh Samat Buang,  
Dewan Siswa, Mei 2017

## Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menjejaskan kualiti*. [2 markah]
- (ii) Kerajaan mengambil perhatian khusus terhadap isu pencemaran sungai kerana mendatangkan pelbagai implikasi buruk.
- Apakah kesan utama pencemaran sungai di negara kita? [3 markah]
- (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil beberapa inisiatif untuk menangani masalah pencemaran sungai.
- Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang berkesan untuk menangani pencemaran sungai? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kehadiran Tuan Booth dan keluarga, serta lima belas keluarga buruh estet keturunan India serba sedikit merubah wajah kampung kami.

Jalan yang dahulunya tanah merah batu lada, sudah dikejapkan; tak lagi becak kala musim hujan, dan kurang berkeladak pada musim kemarau.

Tuan Booth yang murah senyuman itu, lama-kelamaan menjadi sebahagian panorama kampung. Walaupun lelaki kulit putih yang gemar berseluar pendek dan bertopi bulat itu terkenal dengan kemurahan senyumannya, kawasan kebun getah, estet pekerja serta banglo kolonialnya tetap asing bagi kami.

Cuma sejak kematian Wak Sadir, anaknya, Ahmad Mutawakkil yang sudah yatim piatu itu menjadi satu-satunya anak kampung yang sentiasa keluar masuk ke pekarangan estet Tuan Booth.

“Eloklah...paling tidak, dia bekerja dengan Orang Putih tu, belajar mencari makan sendiri.” Begitulah pandangan kami. Walaupun hasil getah Tuan Booth setiap tahun nampaknya sangat menjadi, kami tetap bertani secara tradisi.

Di kebun, berselerak pokok pisang yang ditanam, berselang-seli dengan ubi kayu dan keledek. Sawah pula, laksana lautan emas kala musim menuai. Kami tetap orang kampung yang dulu, yang hidup atas dua matlamat – rezeki dan ibadat.

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’  
oleh Zainal Rashid Ahmad  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan keadaan kampung setelah kehadiran Tuan Booth.

[2 markah]

- (ii) Anak yatim piatu wajar dibantu untuk meneruskan kehidupan mereka.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membantu golongan ini?

[3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan dan **satu** nilai lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda *mengadukan halnya* ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?”

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawanan anak isterinya bersungguh-sungguh.”

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, “Benar seperti kata Tun Perak itu.”

Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, “Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengadukan halnya*. [2 markah]
- (ii) Apakah reaksi Duli Yang Dipertuan setelah Seri Amerta mengadukan perbuatan Tun Perak? [3 markah]
- (iii) Tun Perak menyuruh orang-orang Kelang membawa anak isteri bersama-sama ke Melaka agar mereka berperang dengan bersungguh-sungguh.

Pada pendapat anda, apakah strategi lain yang boleh dilakukan oleh seorang pembesar dalam usaha mempertahankan negara?

[3 markah]

**[Lihat halaman sebelah]**

**Soalan 2 (d) – Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

*Suara Anak Pahang, 2009*  
Pekan Ilmu Sdn. Bhd.  
*Antologi Sejadah Rindu,*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan **dua** harapan penyajak.

[2 *markah*]

- (ii) Kasih sayang amat penting dalam hubungan kekeluargaan.

Pada pendapat anda, mengapakah hubungan kekeluargaan perlu mengutamakan kasih sayang?

[3 *markah*]

- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 *markah*]

**[Lihat halaman sebelah**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) tenang
- (ii) ketenangan
- (iii) menenangkan
- (iv) jelas
- (v) kejelasan
- (vi) menjelaskan

[6 markah]

(b) *Gabungkan ayat-ayat di bawah dengan menggunakan kata hubung tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Bayi akan mengalami kesan yang berbeza-beza terhadap ubat. Kesan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor terutama keturunan.
- (ii) Rumah ialah tempat terbaik untuk berehat. Rumah juga tempat terbaik untuk menenangkan fikiran. Penghuni rumah tidak kisah membelanjakan wang asalkan rumah mereka cantik.
- (iii) Ameera tekun menyiapkan kerja kursus Sejarah. Kerja kursus itu telah diberikan oleh Puan Munirah.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Anak-anak perlu mendapat keredhaan ibu bapa jika mahu berjaya dalam pelajaran sehingga mampu mengubah hidupan mereka ke arah yang lebih baik.
- (ii) Pengusaha inapan desa kini menyediakan pekej penginapan yang pelbagai untuk tarikan pelancong menggunakan perkhidmatan mereka.
- (iii) Kerajaan menyediakan peluang yang banyak untuk lahirkan golongan professional dalam memajukan sektor ekonomi negara.

[6 markah]



(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerjasama antara kedua agensi swasta dalam mengangkat martabat seni budaya klasik wajar disokong oleh pihak kerajaan.
- (ii) Ayah menyediakan senarai barang-barang yang perlu dibawa ketika membuat umrah pada bulan depan.
- (iii) Syarikat perniagaan itu sedang merancang usaha-usaha lain kerana mempelbagaikan produk mereka agar dapat dihantar di peringkat antarabangsa.

[6 markah]

(e) *Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Nek Jah : Orang muda kini sudah tidak mengendahkan budaya masyarakat Malaysia dan lebih suka akan budaya Barat. Mereka sepatutnya menjunjung adat dan budaya tempatan kerana \_\_\_\_\_.

Amin : Betul tu, Nek. Remaja sekarang lebih mementingkan trend semasa dan hidup dalam kelompok mereka sendiri tanpa memikirkan perasaan orang tua-tua. Mereka hanya memikirkan diri masing-masing seperti \_\_\_\_\_.

Nek Jah : Walaupun kita mengejar kemajuan, namun jangan menggadaikan budaya sendiri. Kita memang sedang menuju ke arah kemajuan agar setanding dengan negara maju bak kata peribahasa \_\_\_\_\_.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 4 : Novel**

[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Watak utama dalam sesebuah novel digambarkan mempunyai keistimewaan yang tertentu.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan **dua** perwatakan watak utama.

[7 *markah*]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** pengajaran tentang keprihatinan bagi setiap novel.

[8 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**